

Laporan akhbar Indonesia hanya ramalan

88 17 MAR 1986

SUBANG, Selasa — Laporan akhbar-akhbar Indonesia yang mengatakan bahawa sebab sebenar Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan ialah kerana keanggotaan Tengku Razaleigh Hamzah di dalam kabinet adalah ramalan semata-mata, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sepanjang yang saya tahu, laporan yang dipetik dari akhbar Indonesia itu adalah satu spekulasi sahaja," katanya ketika diminta mengulas mengenai laporan itu.

Menurut laporan itu, sebab utama Datuk Musa meletakkan jawatannya ialah kerana tidak puas hati Tengku Razaleigh Hamzah dilantik semula ke dalam kabinet.

Ditanya apakah sebab sebenar Datuk Musa bertindak meletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata, beliau sendiri

sehingga kini tidak mengetahuinya, selain daripada sebab-sebab yang disebutkan dalam surat perletakan jawatannya.

"Oleh kerana akhbar-akhbar Indonesia nampaknya lebih tahu daripada saya, tanyalah mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat-pusat servis dan baik pulih pesawat Airod Sdn Bhd untuk kali kedua di sini hari ini.

Laporan itu memetik pemerhati politik di Indonesia sebagai berkata bahawa tindakan Datuk Musa itu hanyalah satu strategi untuk mengenaikan tekanan terhadap Perdana Menteri dan anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno supaya menolak perletakan jawatannya itu.

Menurut laporan itu lagi, dengan tidak menyebut nama Tengku Razaleigh dalam surat-surat perletakan jawatannya, Datuk Musa berharap kepulangannya kelak tidak akan mengencikan hati penyokong be-

liu (Tengku Razaleigh), sebaliknya memberinya kekuatan dalam proses tawar-menawar dengan Perdana Menteri.

Mengenai dua pucuk surat yang kononnya dihantar oleh Datuk Musa kepada beliau sebelum dan selepas rombakan kabinet pada tahun 1984, seperti yang dilaporkan oleh akhbar Indonesia itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu menahu mengenai surat-surat itu."

Keras

Menurut laporan itu, Datuk Musa Hitam dikatakan telah mengutus dua pucuk surat kepada Perdana Menteri. Surat pertama yang disampaikan sebelum rombakan kabinet 1984, meringankan bahawa beliau terpaksa menimbangkan kedudukannya dalam kerajaan dan parti jika Tengku Razaleigh dilantik semula ke dalam kabinet.

Surat keduanya kepada Perdana Menteri selepas rombakan kabinet itu dikatakan bernada lebih keras menyatakan bantahan terhadap perlantikan Tengku Razaleigh dan memberi tempoh kepada Perdana Menteri selama setahun (hingga Ogos 1985) untuk menggugurkan Tengku Razaleigh atau beliau akan meletakkan jawatan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, setakat ini belum ada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dijadualkan minggu depan, walaupun ramai pemerhati berpendapat ia akan diadakan sehari sebelum perletakan jawatan Datuk Musa berkuatkua.

Perdana Menteri juga enggan mengulas sama ada beliau diberitahu mengenai perkembangan dari sehari ke sehari mengenai perkembangan usaha memujuk Datuk Musa oleh rombongan ahli-ahli Majlis Tertinggi yang terbabit.